

UMP realisasikan impian rakyat Pahang

KWJUDAN Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) dilihat bakal menjadi pemangkin kepada Koridor Ilmu Pantai Timur khususnya di Pahang dan Malaysia amnya.

UMP merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke-16 yang diwartakan pada 16 Februari 2002 menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, sejahtera dan lestari menerusi kemudahan prasarana yang lengkap.

Penubuhan universiti tersebut merupakan hasil cetusan idea Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang ketika itu memegang jawatan sebagai Menteri Pendidikan.

UMP yang terletak kira-kira 30 kilometer (km) dari Bandar Kuantan beroperasi di kampus sementara di Gambang yang merupakan lokasi strategik kerana berhampiran dengan Lebuh Raya Pantai Timur, zon perindustrian petrokimia, pembuatan automotif dan juga bioteknologi bagi Negeri Tok Gajah ini.

Pembinaan kampus tetap UMP yang sebelum ini dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) itu akan dilaksanakan di kira-kira 4 kilometer (km) dari Kuala Pahang, Pekan dan lokasinya yang strategik itu dijangka akan membawa pembaharuan di kawasan terbabit.

Majlis Pelancaran Pembinaan Kampus Tetap Universiti Malaysia Pahang (UMP) oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan jamuan kesyukuran rakyat akan diadakan pada 30 Jun 2007 (Sabtu) bersamaan 15 Jamadilakhir 1428 Hijrah di tapak Kampus Tetap UMP, Kuala Pahang, Pekan.

Cadangan fasa pertama pembangunan kampus tetap yang terletak bersebelahan Lagenda Golf Country Club itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu Fasa 1A yang mengandungi Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik serta Fakulti Kejuruteraan Mekanikal; dan Fasa 1B yang mengandungi Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian serta Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.

Sebelum ini, majlis perletakan Batu Asas Kampus Tetap UMP yang dapat menampung lebih daripada 10,000 pelajar pada sesuatu masa sudahpun disempurnakan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah pada 2 November 2002 manakala kerja tanah di atas sebidang kawasan seluas 259.8 hektar pula dijalankan sejak 23 Jun 2003.

Selain itu, projek pembinaan bangunan kampus tetap yang sudah dimulakan sejak 11 Jun 2007 itu turut menyenaraikan blok pentadbiran utama, dewan konvokesyen dan asrama yang boleh menampung sehingga kira-kira 4,000 pelajar sebagai binaan utama dalam fasa pertama ini.

Dijangka siap pada Disember 2010, UMP turut merancang pembinaan lima lagi fakulti termasuk Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam, Fakulti Pengurusan Teknologi, Fakulti Sains Industri dan Fakulti Kejuruteraan Mekatronik dalam fasa kedua pula.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Mohamed Said Bin Mat Lela, berkata selain daripada itu kampus tetap berkenaan turut dilengkapi pelbagai prasarana lain seperti pusat pengajian siswazah, unit peperiksaan dan jaminan kualiti akademik serta kemudahan pelajar yang lain termasuk perpustakaan, dewan kuliah, pusat Islam, kompleks sukan, asrama tambahan, pusat kesihatan, pusat kokurikulum dan kediaman kakitangan.

Kemudahan bagi fasa kedua ini akan dilaksanakan

dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) dan pembinaannya dijangka bermula pada tahun 2011. Pembinaan kampus tetap ini diharap dapat memberi perubahan kepada struktur ekonomi masyarakat desa di kawasan sekitar memandangkan banyak kelebihan yang boleh mereka perolehi melalui kewujudannya.

Tujuan utama penubuhan UMP ialah untuk menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi dalam bidang yang berkaitan dengan kejuruteraan kimia/petrokimia, pembuatan automotif serta sumber alam dan asli.

Ia juga ditubuhkan untuk menerajui pembangunan modal insan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi.

UMP turut mensasarkan untuk menjadi sebuah universiti berjenama, bertaraf dunia dan menjadi universiti pilihan pelajar, ibu bapa, industri serta agensi kerajaan.

Justeru, UMP berharap dengan sasaran dan perancangan strategik lima tahun (2006-2010) yang diwartakan berdasarkan lima teras utama dalam Rancangan Malaysia Ke-9 berupaya untuk melahirkan graduan profesional bertaraf dunia.

Melihat kepada perkembangan pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa pada hari ini, UMP amat menitikberatkan kepada program-program yang ditawarkan kepada para pelajarinya.

Malah universiti itu sentiasa melakukan penambahbaikan dalam usaha untuk melahirkan graduan dan penghasilan sumber manusia yang mampu bersaing di peringkat global.

Sehingga kini, UMP menawarkan sebanyak 13 program Doktor Falsafah, 17 program Ijazah Sarjana, 12 program Ijazah Sarjana Muda dan lapan program Diploma.

Program-program tersebut melibatkan lima fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal serta Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam.

Bagi tujuan memantapkan lagi bidang pengajaran dan pembelajaran, UMP turut mempunyai empat buah pusat kecemerlangan iaitu Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Pusat Pengajian Siswazah, Pusat Pengajian Berterusan & Pengajian Profesional dan Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi.

Selain itu, UMP turut melaksanakan konsep praktikal yang menggunakan pendekatan 'teaching factory' di mana para pelajar didedahkan dengan dunia perindustrian sebenar sewaktu mereka dalam pengajian lagi.

Dari segi kemudahan prasarana, UMP memiliki kemudahan makmal penyelidikan dan pengajaran yang setanding dengan institusi pengajian tinggi awam yang lain.

Malah apa yang lebih membanggakan, makmal tersebut bukan sahaja digunakan oleh penyelidik UMP malah penyelidik luar dan pihak swasta turut menggunakan kemudahan itu bagi tujuan Penyelidikan



dan Pembangunan (R&D) dalam industri bioteknologi terutama bioproses.

Sebagai sebuah universiti yang masih baru, pencapaian UMP sudah boleh dibanggakan oleh warganya apabila menerima pengiktirafan OSHAS 18001 : 1999 dan sekali gus meletakkan UMP sebagai IPTA pertama di Malaysia yang mencapai standard tersebut.

Pengiktirafan itu amat penting dalam usaha

memastikan aspek keselamatan staf dan pelajar terjamin apabila berada di dalam makmal.

UMP turut menerima penghormatan sebagai pertama yang dikurniakan Anugerah Perdana Telekomunikasi dalam Sektor Awam pada 18 Disember 2004 menerusi Aplikasi e-Management yang dibarai sendiri oleh universiti dan diberi peluang mewakili ke Pertandingan e-Asia Awards 2004 di Taipei, Taiwan.

Antara pencapaian-pencapaian lain yang pernah dicapai oleh UMP ialah :

Tahun	Pencapaian
2005	Penyertaan sulung dalam Pameran Penyelidikan ITEX 2005 di PWTC, Kuala Lumpur. Berjaya meraih satu pingat perak dan satu pingat gangsa.
	Menyertai Pameran Bioteknologi Asia 2005 di PWTC, Kuala Lumpur. Berjaya meraih satu pingat emas, satu pingat perak dan dua gangsa.
	Pameran R&D IPTA 2005 anjuran Kementerian Pengajian Tinggi. Berjaya memenangi 2 pingat emas, lima pingat perak dan empat pingat gangsa selain merangkul tiga Booth Pameran terbaik bagi kategori Shell Scheme.
2006	Mengambil bahagian dalam Eskpo Teknologi Malaysia di PWTC, Kuala Lumpur. Berjaya meraih lima pingat perak, satu pingat gangsa dan juga 3rd Best Booth Award.
	International Exhibition of Inventions, New Techniques and products di Geneva, Switzerland. Berjaya memenangi satu pingat emas, satu pingat perak dan satu pingat gangsa.
	17th International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX 2006) Kuala Lumpur Convention Centre. Telah berjaya memenangi dua pingat emas dan satu pingat perak.
2007	Pameran Malaysia Technology Expo (MTE) di PWTC, Kuala Lumpur di mana UMP berjaya meraih pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa. Selain itu, universiti juga berjaya mendapat tempat ketiga Booth Pameran Terbaik bagi kategori Shell Scheme.
	International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX'07). UMP berjaya memenangi pingat emas, satu pingat perak dan lima pingat gangsa.